

## **LAPORAN KES PENDAKWAAN**

Mohd Zulhelmi bin Ibrahim (OKS) telah dituduh di Mahkamah Majistret Tapah, Perak kerana melakukan kesalahan di bawah peraturan 122 Peraturan-Peraturan Elektrik 1994 iaitu melanggar subperaturan 112(2) Peraturan-Peraturan yang sama iaitu selaku pengkhidmat bagi pemasangan *Air Circuit Breaker* jenama Schneider model NW12HA nombor siri 4103114428 telah gagal melindungi Zamri bin Safiee dengan secukupnya daripada bahaya semasa menjalankan kerja-kerja pensuisan bagi penutupan bekalan elektrik di Kilang Sawit Besout dan pemberian bekalan sementara ke stesen CMC. Pada 22 Mei 2026, OKS mengaku salah terhadap pertuduhan dan mahkamah telah menjatuhkan hukuman denda RM3000.00 gagal bayar (2) bulan penjara. OKS membayar denda tersebut.